

11 OCT 1996

Umno-Kereta api

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN KAJI CADANGAN KERETAPI MALAYSIA TIMUR

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan bersedia mengkaji cadangan mewujudkan perkhidmatan keretapi menghubungkan bahagian utara Sabah dan Kuching di Sarawak yang kemudian disambung dengan pengangkutan laut dari Kuching ke Johor.

Timbalan Menterinya Datuk Wira Mohd Ali Rustam hari ini berkata cadangan itu, yang dikemukakan seorang anggota perwakilan dari Sabah semasa membahaskan ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, wajar diberi pertimbangan.

"Bagaimanapun, kita perlu ingat bahawa untuk membina laluan kereta api dari Sabah ke Sarawak akan melibatkan perbelanjaan yang tinggi," katanya ketika ditanya pemberita di ruang legar Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, tempat berlangsungnya perhimpunan agung Umno 1996.

Semalam, Datuk Kasitah Gadam, ketika berucap mewakili Umno Sabah, berkata rangkaian perhubungan kereta api antara Sabah dan Sarawak yang disambung dengan pengangkutan laut ke Johor boleh mempercepatkan lagi proses integrasi nasional di samping membawa keuntungan ekonomi seperti pelancongan.

Sebelum ini, Perbadanan Nasional Shipping Line (PNSL) menyediakan perkhidmatan feri antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak mulai Ogos 1986 tetapi perkhidmatan itu dihentikan pada November 1989 kerana mengalami kerugian tiga tahun berturut-turut.

Ali berkata, cadangan itu akan dikemukakan kepada Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik selepas Perhimpunan Agung Umno kali ini.

"Perkhidmatan itu sudah tentu sukar mendapat keuntungan dalam jangka masa pendek tetapi saya yakin ia mampu meraih keuntungan dalam jangka masa panjang," katanya ketika ditanya mengenai daya maju perkhidmatan yang dicadangkan itu.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menimbang tawaran mana-mana syarikat swasta yang bersedia melaksanakannya, beliau berkata mereka yang berminat boleh mengemukakan cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. -- BERNAMA

AH NMO